



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

LAPORAN TAHUNAN **2024**



PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

KANDUNGAN

BAB 1 SIDANG EDITORIAL

BAB 2 PROFIL PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

- 2.1 Sekilas Pandang
- 2.2 Misi, Visi & Objektif
- 2.3 Piagam Pelanggan
- 2.4 Struktur Organisasi

BAB 3 PERUTUSAN PENGARAH

BAB 4 PENCAPAIAN KPI PASCASISWAZAH

- 4.1 Sasaran dan Pencapaian Kemasukan Pelajar Pascasiswazah
- 4.2 Sasaran dan Pencapaian Kemasukan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa
- 4.3 Sasaran dan Pencapaian Enrolmen Pelajar Antarabangsa

BAB 5 SUMBER MANUSIA

- 5.1 Perjawatan
- 5.2 Lantikan ke Jawatan Tetap
- 5.3 Anugerah Seri Gemilang
- 5.4 Pelantikan Semula Barisan Pengurusan Tertinggi CGS

BAB 6 HAL EHWAL AKADEMIK

- 6.1 Bilangan Program Pengajian Pascasiswazah
- 6.2 Enrolmen Pelajar Pascasiswazah
 - a. Tempatan & Antarabangsa
- 6.3 Enrolmen Pelajar Antarabangsa
 - a. Mengikut Pecahan Negara & Jantina

KANDUNGAN

- 6.4 Statistik Graduan 2024
 - a. Statistik Perbezaan Tahun 2023 dan 2024 Mengikut Program Pengajian
 - b. Statistik Mengikut Program Pengajian
 - c. Statistik Mengikut Program Pengajian dan Fakulti
- 6.5 Pelajar Antarabangsa
 - a. Statistik Graduan Antarabangsa Mengikut Program Pengajian
- 6.6 iGOT (Intakes' of Graduate On Time)

BAB 7 HUBUNGAN & KOLABORASI ANTARABANGSA

- 7.1 Lawatan CGS ke Universiti / Institut Luar Negara
- 7.2 Lawatan Universiti / Institut Luar Negara ke CGS

BAB 8 HAL EHWAL PELAJAR

- 8.1 Aktiviti & Program Berkaitan Pelajar Pascasiswa

BAB 9 HAL EHWAL PENTADBIRAN

- 9.1 Aktiviti & Program Berkaitan Pengurusan Pentadbiran

BAB 10 LAPORAN KEWANGAN

- 10.1 Laporan Prestasi Kewangan 2024

BAB 1 : SIDANG EDITORIAL



PENAUNG

YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr.
Zaliman Sauli



PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr.
Rozyanty Rahman



KETUA EDITOR

Puan Noordini Idrus



EDITOR

Prof. Madya Ir. Ts. Dr.
Mohd Afendi Rojan



EDITOR

Prof. Madya Dr.
Rafikha Aliana A Raof



EDITOR

Puan Hizatul Diana
Hamzah



EDITOR

Encik Irma Azqrai Nin
Sey Muhamad

BAB 2 : PROFIL PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

Sekilas Pandang

Pusat Pengajian SiswaZah (CGS) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ditubuhkan pada 1 April 2003 sebagai Unit Ijazah Tinggi sebelum dinaik taraf sebagai Pusat Pengajian SiswaZah pada tahun 2010. CGS kini dianggotai oleh 16 orang staf dan memainkan peranan penting dalam mentadbir dan memantau program pengajian pascasiswaZah.

CGS menawarkan pelbagai program pascasiswaZah termasuk 39 bidang penyelidikan bagi program Doktor Falsafah dan Sarjana Sains (mod penyelidikan), 1 program Sarjana Kemanusiaan (Agama) mod penyelidikan, 6 program Sarjana Sains (mod campuran), 4 program Sarjana Sains (mod kerja kursus), serta 1 program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Kejuruteraan) mod kerja kursus.

Tiga unit utama menyokong operasi CGS iaitu Unit Pentadbiran, Kewangan, Pengurusan Akademik dan Penajaan; Unit Kemasukan, Rekod dan Data Pelajar; serta Unit Peperiksaan, Pengijazahan dan Hal Ehwal Pelajar. CGS juga membentuk dasar dan garis panduan tadbir urus pengajian pascasiswaZah serta berperanan sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Ijazah Tinggi Universiti (JITU).

Bagi mencapai sasaran KPI, CGS menjalin kerjasama strategik dengan institusi luar negara serta mengurus promosi untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa. Di samping itu CGS menyelaras bantuan kewangan kepada pelajar pascasiswaZah. Pada tahun 2024, jumlah pelajar pascasiswaZah ialah seramai 1,022 orang, termasuk 181 pelajar antarabangsa dari 22 negara, dengan 185 graduan telah menamatkan pengajian. CGS kekal komited dalam memperkuuh kualiti pendidikan tinggi dan melonjakkan reputasi UniMAP di persada antarabangsa.





VISI

- Institusi pilihan dipersada antarabangsa untuk pengajian siswazah.



MISI

Untuk melahirkan pelajar siswazah berkualiti yang menyumbang kepada pengembangan ilmu, berdaya saing dan berinovatif.

OBJEKTIF

- Menyelaras dalam pembangunan akademik baharu dan memastikan program baharu memenuhi keperluan permintaan pasaran dan mematuhi keperluan akreditasi.
- Memperkasakan program akademik siswazah universiti melalui pengenalan dasar dan peraturan akademik baharu, agar selari dengan keperluan akrediatasi yang dinamik.
- Membantu dan memudahkan pelajar dalam membangunkan dan meningkatkan pengetahuan ilmiah mereka melalui aktiviti-aktiviti akademik dan penyelidikan.
- Menyemai dan memupuk budaya penyelidikan bagi staff akademik melalui pengurusan aktiviti penyelidikan siswazah yang cekap dan berkesan.




PIAGAM PELANGGAN

- * PASTIKAN SEMUA BORANG PERMOHONAN BAHARU AKAN DIPROSES DALAM TEMPOH 3 BULAN SELEPAS PENERIMAAN.
- * MENGADAKAN TAKLIMAT ORIENTASI KEPADA PELAJAR BAHARU DUA KALI SETIAP SEMESTER.
- * MENGADAKAN BENGKEL PENULISAN TESIS SEKALI SETIAP SEMESTER.
- * SERTAI SATU PAMERAN PASCA SISWAZAH TEMPATAN SETIAP SEMESTER DAN SATU PAMERAN ANTARABANGSA SETIAP TAHUN. (JIKA BAJET MEMBENARKAN)
- * MENGADAKAN PERSIDANGAN PELAJAR SEKALI SETAHUN.



STRUKTUR ORGANISASI



BAB 3 : PERUTUSAN PENGARAH



"Dengan iltizam kolektif dan keutuhan visi, CGS akan terus memacu pendidikan siswazah UniMAP ke arah kecemerlangan yang lestari, berimpak dan bertaraf antarabangsa."

PROFESOR MADYA TS. DR. ROZYANTY RAHMAN

Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP.

Tahun 2024 menjadi fasa penting bagi Pusat Pengajian Siswazah (CGS) dalam usaha memperkuuh keupayaan akademik, selari dengan aspirasi UniMAP 2025–Teras Pengukuhan Akademik. Pelaksanaan strategi CGS berteraskan kepada lima Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang menjadi asas penilaian kecekapan operasi akademik pascasiswazah secara menyeluruh.

Antara fokus utama adalah kemampunan enrolmen pelajar, di mana peningkatan jumlah pelajar tempatan dan antarabangsa terus diberi keutamaan. Pelbagai inisiatif seperti promosi berfokus, pengantarabangsaan program, dan penggunaan platform digital telah dilaksana bagi mengekalkan daya saing program yang ditawarkan.


CGS turut memberi perhatian kepada peningkatan kadar iGOT (Intakes' Graduate on Time) melalui pemantauan kemajuan akademik secara sistematik, bimbingan penyelidikan bersasar, serta aktiviti pembangunan pelajar yang menyokong penyempurnaan pengajian dalam tempoh ditetapkan.

Kualiti penyeliaan dipertingkat melalui latihan profesional, penilaian prestasi penyelia, serta pelaksanaan garis panduan amalan terbaik. Di samping itu, program pascasiswazah baharu turut diperkenalkan bagi menyokong bidang tujuan universiti, meliputi bidang multidisiplin, teknologi masa depan dan pembangunan lestari.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga CGS dan UniMAP atas dedikasi dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi sepanjang tahun ini. Laporan ini adalah cerminan komitmen kita bersama dalam memacu kecemerlangan pendidikan siswazah ke arah tahap yang lebih tinggi dan bertaraf antarabangsa.


Sekian, terima kasih.

BAB 4 :
PENCAPAIAN KPI PASCASISWAZAH



BILANGAN STAF AKADEMIK MENGIKUT FAKULTI (2024)

745
STAF AKADEMIK
GRED 51/52 KE ATAS




SASARAN KEMASUKAN
PELAJAR PASCASISWAZAH
MENGIKUT FAKULTI

367

JUMLAH SASARAN
KEMASUKAN PELAJAR
PASCASISWAZAH

■ Jumlah Kemasukan Pelajar ■ Jumlah Yang Tidak Dicapai



PENCAPAIAN KEMASUKAN
PELAJAR PASCASISWAZAH
MENGIKUT FAKULTI (2024)


226 / 367

JUMLAH KEMASUKAN PELAJAR
PASCASISWAZAH


SASARAN KEMASUKAN
PELAJAR PASCASISWAZAH
ANTARABANGSA
MENGIKUT FAKULTI

141

JUMLAH SASARAN
KEMASUKAN PELAJAR
PASCASISWAZAH
ANTARABANGSA



■ Jumlah Kemasukan Pelajar ■ Jumlah Yang Tidak Dicapai



PENCAPAIAN KEMASUKAN
PELAJAR PASCASISWAZAH
ANTARABANGSA
MENGIKUT FAKULTI

35 / 141

JUMLAH KEMASUKAN PELAJAR
PASCASISWAZAH ANTARABANGSA

SASARAN ENROLMEN
PELAJAR PASCASISWAZAH
ANTARABANGSA
MENGIKUT FAKULTI


424

JUMLAH SASARAN ENROLMEN
PELAJAR PASCASISWAZAH
ANTARABANGSA


PENCAPAIAN ENROLMEN
PELAJAR PASCASISWAZAH
ANTARABANGSA
MENGIKUT FAKULTI

182 / 424

JUMLAH ENROLMEN PELAJAR
PASCASISWAZAH ANTARABANGSA



■ Jumlah Kemasukan Pelajar ■ Jumlah Yang Tidak Dicapai




BAB 5 : SUMBER MANUSIA

5.1 PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah pengisian jawatan di Pusat Pengajian Siswazah adalah sebanyak 16 jawatan bertaraf tetap dan kontrak. Daripada jumlah tersebut, 3 jawatan adalah bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 3 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 10 jawatan bagi Kumpulan Pelaksana.

Peratus Jawatan mengikut Kumpulan Perkhidmatan



Rajah 1: Peratus pengisian jawatan berdasarkan kumpulan perkhidmatan

5.2 LANTIKAN KE JAWATAN TETAP

UniMAP melalui Jawatankuasa Pemilih telah memperakukan 1 jawatan bagi Kumpulan Pelaksana iaitu Mohd Muzamir Mustapa, Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) untuk lantikan ke jawatan tetap bagi tahun 2024 berkuat kuasa pada 2 Disember 2024.

Senarai Jawatan Bertaraf Tetap dan Kontrak Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | KONTRAK | TETAP | JUMLAH |
|--|----------|-----------|-----------|
| Pengurusan & Profesional (Akademik) | - | 3 | 3 |
| Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) | - | 3 | 3 |
| Kumpulan Pelaksana | 5 | 5 | 10 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 5 | 11 | 16 |

5.3 ANUGERAH SERI GEMILANG

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC).

Anugerah Seri Gemilang merupakan salah satu aktiviti tahunan Universiti dalam memberi pengiktirafan kepada warganya yang telah memberikan jasa bakti dan menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun dinilai.

Anugerah ini adalah sebagai penghargaan kepada semua penerima serta pembangkit semangat kepada rakan-rakan sekerja yang lain untuk terus berkhidmat dengan penuh integriti, jujur, berdedikasi, ikhlas, amanah dan sentiasa mendukung nilai-nilai murni dan profesionalisme.

Pada Majlis Anugerah Seri Gemilang yang telah berlangsung pada 6 Mac 2024 di Dewan Ilmu, Kampus Alam UniMAP memperlihatkan seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi staf lantikan tetap dan seorang penerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang bagi staf lantikan kontrak diberi penghargaan atas perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2023.

Berikut adalah senarai penerima Anugerah Seri Gemilang 2023

| BIL. | NAMA | JAWATAN | ANUGERAH |
|------|-------------------------|--|---|
| 1. | Hizatul Diana Hamzah | Penolong Pendaftar Kanan | Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) |
| 2. | Mohamad Ridhuan Zakaria | Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) | Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC) |



5.4 PELANTIKAN SEMULA BARISAN PENGURUSAN TERTINGGI CGS

Pusat Pengajian Siswazah (CGS) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah atas **pelantikan semula barisan pengurusan tertinggi CGS** bagi tempoh **1 Oktober 2024 hingga 30 September 2026**. Pelantikan ini adalah satu pengiktirafan terhadap kepimpinan sedia ada yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam mentadbir dan memperkasa pengajian siswazah di UniMAP.

Pelantikan semula adalah seperti berikut:

- Prof. Madya Ts. Dr. Rozyanty Rahman (Pengarah)
- Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Afendi Rojan (Timbalan Pengarah (Mod Penyelidikan))
- Prof. Madya Dr. Rafikha Aliana A. Raof (Timbalan Pengarah (Mod Kerja Kursus & Campuran))

Pihak CGS yakin bahawa kesinambungan kepimpinan ini akan terus mendorong pencapaian yang lebih cemerlang serta memperkuuh peranan CGS dalam menyokong agenda akademik dan penyelidikan universiti. Semoga CGS akan terus maju ke hadapan dan menjadi pusat rujukan pengajian siswazah yang unggul.



BAB 6 : HALEHWAL AKADEMIK

6.1 BILANGAN PROGRAM PENGAJIAN PASCASISWAZAH

| BIL. | KOD PROGRAM | NAMA PROGRAM PENGAJIAN | FAKULTI |
|------|-------------|--|---------|
| 1. | MC34 | Sarjana Pentadbiran Perniagaan(Pengurusan Kejuruteraan) | FPK |
| 2. | MC83 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Awam) | FKTA |
| 3. | MC88 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektrik & Elektronik) | FKTEN |
| 4. | MC08 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekanikal) | FKTM |
| 5. | MC09 | Sarjana Sains Dalam Sains Data | FKTEN |
| 6. | MM06 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Rekabentuk Sistem Mikroelektronik) | FKTEN |
| 7. | MM07 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektrik Kuasa) | FKTE |
| 8. | MM13 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Sistem Pembuatan) | FKTM |
| 9. | MM21 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Rekabentuk Sistem Terbenam) | FKTEN |
| 10. | MM22 | Sarjana Sains (Matematik Kejuruteraan) | IMK |
| 11. | MM32 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Polimer) | FKTK |
| 12. | MR04 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Bahan) | FKTK |
| 13. | MR05 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Mikroelektronik) | FKTEN |
| 14. | MR07 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Alam Sekitar) | FKTA |
| 15. | MR08 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekanikal) | FKTM |
| 16. | MR13 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Pembuatan) | FKTM |
| 17. | MR17 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Nanoelektronik) | INEE |
| 18. | MR18 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Nanobioteknologi) | INEE |
| 19. | MR19 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Nanomaterial) | INEE |
| 20. | MR20 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Komputer) | FKTEN |
| 21. | MR21 | Sarjana Kemanusiaan (Agama) | FPK |

| BIL. | KOD PROGRAM | NAMA PROGRAM PENGAJIAN | FAKULTI |
|------|-------------|---|---------|
| 22. | MR22 | Sarjana Sains (Matematik Kejuruteraan) | IMK |
| 23. | MR23 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Sistem Elektrik) | FKTE |
| 24. | MR24 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekatronik) | FKTE |
| 25. | MR25 | Sarjana Sains (Matematik Tulen) | IMK |
| 26. | MR27 | Sarjana Sains (Teori Fizik) | IMK |
| 27. | MR28 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Bioproses) | FKTK |
| 28. | MR29 | Sarjana Sains (Matematik Gunaan) | IMK |
| 29. | MR30 | Sarjana Sains (Pemasaran) | FPK |
| 30. | MR31 | Sarjana Sains (Ekonomi) | FPK |
| 31. | MR33 | Sarjana Sains (Kewangan) | FPK |
| 32. | MR35 | Sarjana Sains (Perakaunan) | FPK |
| 33. | MR36 | Sarjana Sains (Pengurusan) | FPK |
| 34. | MR37 | Sarjana Sains (Keusahawanan dan Teknousahawan) | FPK |
| 35. | MR38 | Sarjana Sains (Komunikasi dan Teknologi Maklumat) | FPK |
| 36. | MR39 | Sarjana Sains (Pendidikan dan Sains Sukan) | FPK |
| 37. | MR40 | Sarjana Sains (Keusahawanan dan Sosial) | FPK |
| 38. | MR41 | Sarjana Sains (Pengajian Bahasa dan Terjemahan) | FPK |
| 39. | MR42 | Sarjana Sains (Psikologi dan Kaunseling) | FPK |
| 40. | MR43 | Sarjana Sains (Statistik) | IMK |
| 41. | MR44 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektronik) | FKTEN |
| 42. | MR53 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Perhubungan) | FKTEN |
| 43. | MR82 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Bangunan) | FKTA |

| BIL. | KOD PROGRAM | NAMA PROGRAM PENGAJIAN | FAKULTI |
|------|-------------|--|---------|
| 44. | MR83 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Awam) | FKTA |
| 45. | MR84 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Rekabentuk Produk) | FKTM |
| 46. | MR85 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan) | FKTEN |
| 47. | MR86 | Sarjana Sains (Penyelidikan Operasi) | IMK |
| 48. | MR88 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Bioperubatan) | FKTEN |
| 49. | MR89 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Fotonik) | FKTEN |
| 50. | MR90 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Biosistem) | FKTM |
| 51. | MR91 | Sarjana Sains (Kejuruteraan Kimia) | FKTK |
| 52. | PE05 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Mikroelektronik) | FKTEN |
| 53. | PE07 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Alam Sekitar) | FKTA |
| 54. | PE08 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Mekanikal) | FKTM |
| 55. | PE12 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Bahan) | FKTK |
| 56. | PE13 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Pembuatan) | FKTM |
| 57. | PE17 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Nanoelektronik) | INEE |
| 58. | PE18 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Nanobioteknologi) | INEE |
| 59. | PE19 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Nanomaterial) | INEE |
| 60. | PE20 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Komputer) | FKTEN |
| 61. | PE22 | Doktor Falsafah (Matematik Kejuruteraan) | IMK |
| 62. | PE23 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Sistem Elektrik) | FKTE |
| 63. | PE24 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Mekatronik) | FKTE |
| 64. | PE25 | Doktor Falsafah (Matematik Tulen) | IMK |
| 65. | PE27 | Doktor Falsafah (Teori Fizik) | IMK |


| BIL. | KOD PROGRAM | NAMA PROGRAM PENGAJIAN | FAKULTI |
|------|-------------|--|---------|
| 66. | PE28 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Bioproses) | FKTK |
| 67. | PE29 | Doktor Falsafah (Matematik Gunaan) | IMK |
| 68. | PE43 | Doktor Falsafah (Statistik) | IMK |
| 69. | PE44 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Elektronik) | FKTEN |
| 70. | PE53 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Perhubungan) | FKTEN |
| 71. | PE82 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Bangunan) | FKTK |
| 72. | PE83 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Awam) | FKTA |
| 73. | PE84 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Rekabentuk Produk) | FKTA |
| 74. | PE85 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan) | FKTM |
| 75. | PE86 | Doktor Falsafah (Penyelidikan Operasi) | FKTEN |
| 76. | PE88 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Bioperubatan) | IMK |
| 77. | PE89 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Fotonik) | FKTEN |
| 78. | PE90 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Biosistem) | FKTEN |
| 79. | PE91 | Doktor Falsafah (Kejuruteraan Kimia) | FKTK |
| 80. | PK30 | Doktor Falsafah (Pemasaran) | FKTK |
| 81. | PK31 | Doktor Falsafah (Ekonomi) | FPK |
| 82. | PK33 | Doktor Falsafah (Kewangan) | FPK |
| 83. | PK34 | Doktor Falsafah (Pengurusan Kejuruteraan) | FPK |
| 84. | PK35 | Doktor Falsafah (Perakaunan) | FPK |
| 85. | PK36 | Doktor Falsafah (Pengurusan) | FPK |
| 86. | PK37 | Doktor Falsafah (Keusahawanan & Teknousahawan) | FPK |
| 87. | PS38 | Doktor Falsafah (Komunikasi dan Teknologi Maklumat) | FPK |

| BIL. | KOD PROGRAM | NAMA PROGRAM PENGAJIAN | FAKULTI |
|------|-------------|---|---------|
| 88. | PS39 | Doktor Falsafah (Pendidikan dan Sains Sukan) | FPK |
| 89. | PS40 | Doktor Falsafah (Keusahawanan dan Sosial) | FPK |
| 90. | PS41 | Doktor Falsafah (Pengajian Bahasa dan Terjemahan) | FPK |
| 91. | PS42 | Doktor Falsafah (Psikologi dan Kaunseling) | FPK |

6.2 ENROLMEN PELAJAR PASCASISWAZAH

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah pelajar pascasiswazah ialah seramai 1022 orang. 518 merupakan pelajar program Sarjana manakala 504 orang merupakan pelajar program Doktor Falsafah. 18% daripada jumlah tersebut merupakan pelajar antarabangsa; masing-masing seramai 60 pelajar antarabangsa program Sarjana dan 121 orang bagi program Doktor Falsafah.

| | |
|--------------|-----|
| TEMPATAN | 841 |
| ANTARABANGSA | 181 |



a. Tempatan & Antarabangsa

| PASCASISWAZAH | 2024 | |
|---|------------|--------------|
| | TEMPATAN | ANTARABANGSA |
| Doktor Falsafah | 383 | 121 |
| Sarjana Sains (Mod Penyelidikan) | 367 | 55 |
| Sarjana Sains (Mod Campuran) | 35 | 3 |
| Sarjana Sains (Mod Kerja Kursus) | 23 | 2 |
| Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Mod Kerja Kursus) | 33 | 0 |
| JUMLAH | 841 | 181 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 82% | 18% |

6.3 ENROLMENT PELAJAR ANTARABANGSA

a. Mengikut Pecahan Negara & Jantina

| BIL. | NEGARA | LELAKI | PEREMPUAN |
|------|----------------------------|--------|-----------|
| 1. | Algeria | 1 | 0 |
| 2. | Bangladesh | 16 | 9 |
| 3. | Chad | 1 | 0 |
| 4. | China | 11 | 8 |
| 5. | Egypt | 3 | 0 |
| 6. | Guinea-Bissau | 4 | 0 |
| 7. | India | 3 | 1 |
| 8. | Indonesia | 10 | 17 |
| 9. | Iraq | 9 | 0 |
| 10. | Jordan | 8 | 7 |
| 11. | Kazakstan | 0 | 1 |
| 12. | Libya | 4 | 0 |
| 13. | Nigeria | 14 | 7 |
| 14. | Oman | 1 | 0 |
| 15. | Pakistan | 4 | 3 |
| 16. | Palestin | 4 | 0 |
| 17. | Somalia | 1 | 1 |
| 18. | Sudan | 2 | 0 |
| 19. | Tanzania | 1 | 0 |
| 20. | Tunisia | 2 | 0 |
| 21. | United Arab Emirates (UAE) | 6 | 0 |
| 22. | Yemen | 20 | 2 |


6.4 STATISTIK GRADUAN 2024

Secara keseluruhan, jumlah graduan pascasiswazah UniMAP pada Istiadat Konvokesyen UniMAP Kali Ke-19 (Tahun 2024) telah menurun sebanyak 1.6% berbanding Istiadat Konvokesyen Kali Ke-18 (Tahun 2023).

| ISTIADAT KONVOKESYEN | PhD | SARJANA (MOD PENYELIDIKAN) | SARJANA (MOD CAMPURAN) | SARJANA (MOD KERJA KURSUS) | JUMLAH GRADUAN | |
|--------------------------|-----|----------------------------|------------------------|----------------------------|----------------|-------|
| Kali ke -18 (Tahun 2023) | 67 | 52 | 22 | 47 | 188 | |
| Kali ke -19 (Tahun 2024) | 82 | 63 | 21 | 19 | 185 | 1.6 % |

Bilangan graduan PhD meningkat sebanyak **22.4%**, manakala graduan Sarjana Mod Penyelidikan juga mencatat peningkatan sebanyak **21.2%**. Sebaliknya, graduan Sarjana Mod Campuran mencatat sedikit penurunan sebanyak **4.5%**, sementara graduan Sarjana Mod Kerja Kursus mengalami pengurangan ketara sebanyak **59.6%**.


a. Statistik Perbezaan Tahun 2023 dan 2024 Mengikut Program Pengajian



Statistik Graduan Pascasiswazah UniMAP Bagi Istiadat Konvokesyen Kali Ke-18 (Tahun 2023) Berbanding Bagi Istiadat Konvokesyen Kali Ke-19 (Tahun 2024)

Terdapat seramai 185 orang graduan pascasiswazah UniMAP pada Istiadat Konvokesyen Kali Ke 19 (Tahun 2024). Statistik graduan mengikut program pengajian adalah seperti yang berikut:

b. Statistik Mengikut Program Pengajian




Statistik Graduan Pascasiswazah UniMAP Bagi Istiadat Konvokesyen Kali Ke-19 (Tahun 2024)

Berdasarkan statistik graduan pascasiswazah UniMAP bagi Istiadat Konvokesyen Kali Ke-19 (2024), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) mencatat jumlah graduan tertinggi dengan **47 orang**, diikuti oleh Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) dengan **36 orang** dan Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK) dengan **35 orang**.

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) dan Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) masing-masing menyumbang **24** dan **10** graduan. Sementara itu, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) dan Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) mencatat jumlah graduan terendah, masing-masing dengan **5** dan **4** graduan.

Secara keseluruhan, jumlah graduan tertinggi adalah dalam kategori **PhD** dan **Sarjana Mod Penyelidikan**, manakala **Sarjana Mod Campuran** dan **Sarjana Mod Kerja Kursus** menunjukkan penghasilan graduan yang lebih rendah.

b. Statistik Mengikut Program Pengajian dan Fakulti




| FAKULTI | PhD | SARJANA (MOD PENYELIDIKAN) | SARJANA (MOD CAMPURAN) | SARJANA (MOD KERJA KURSUS) | JUMLAH GRADUAN |
|---------------------------|-----------|----------------------------|------------------------|----------------------------|----------------|
| FKTN | 22 | 19 | 1 | 5 | 47 |
| FKTE | 14 | 13 | 9 | 0 | 36 |
| FPK | 16 | 5 | 0 | 14 | 35 |
| FTKK | 17 | 4 | 3 | 0 | 24 |
| FKTM | 4 | 12 | 8 | 0 | 24 |
| FKTA | 4 | 6 | 0 | 0 | 10 |
| INEE | 3 | 2 | 0 | 0 | 5 |
| IMK | 2 | 2 | 0 | 0 | 4 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 82 | 63 | 21 | 19 | 185 |

6.5 PELAJAR ANTARABANGSA

Jumlah pelajar antarabangsa tertinggi ialah dari Iraq (5 orang), diikuti oleh Bangladesh, Indonesia, Libya, Nigeria, dan Yemen (masing-masing 2 orang). Selain itu, negara seperti Algeria, China, India, Jordan, Lebanon, Oman, Arab Saudi, Sri Lanka, dan Syria turut mempunyai wakil dalam senarai graduan.

Dari segi program pengajian, majoriti pelajar antarabangsa menyelesaikan pengajian pada peringkat PhD. Selain itu, terdapat juga pelajar dalam program Sarjana Mod Penyelidikan yang terdiri daripada graduan dari Bangladesh, Indonesia, Nigeria, dan Arab Saudi. Bagi Sarjana Mod Campuran dan Sarjana Mod Kerja Kursus, penyertaan lebih kecil dan melibatkan beberapa negara sahaja seperti Libya dan Nigeria.

b. Statistik Graduan Antarabangsa Mengikut Program Pengajian



6.6 iGOT (Intakes' Graduate On Time)

Sebanyak 18.42% daripada graduan adalah pelajar PhD, dengan 14 orang berjaya menyelesaikan pengajian dalam tempoh iGOT (Graduate on Time). Manakala, sebanyak 32.95% adalah pelajar Sarjana, dengan 29 orang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh iGOT.



Carta Pai iGOT PhD dan Sarjana bagi Tahun 2024

Program PhD mempunyai 76 orang pelajar yang mendaftar pada tahun 2020, tetapi hanya 14 orang berjaya menamatkan pengajian mengikut iGOT. Manakala, Program Sarjana mencatat kadar penyelesaian yang lebih tinggi dengan 29 daripada 88 orang pelajar yang mendaftar pada tahun 2022 yang menamatkan pengajian mengikut iGOT.

| PROGRAM | BIL. iGOT 2024 | BIL. PELAJAR BERDAFTAR | TAHUN PELAJAR BERDAFTAR |
|---------|----------------|------------------------|-------------------------|
| PhD | 14 | 76 | 2020 |
| Sarjana | 29 | 88 | 2022 |

BAB 7 : HUBUNGAN & KOLABORASI ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2024, Pusat Pengajian Siswazah (CGS) telah giat menjalankan hubungan dan kolaborasi antarabangsa dalam usaha memperkuat jaringan akademik serta memperluas peluang kerjasama strategik di peringkat global.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk:

- **Lawatan rasmi CGS ke universiti dan institut luar negara**, bertujuan meneroka potensi kerjasama dalam bidang penyelidikan, pertukaran pelajar dan staf, serta penawaran program pengajian siswazah secara bersama.
- **Penerimaan lawatan balas daripada universiti dan institut luar negara ke CGS**, yang memberi ruang kepada perbincangan lanjut mengenai kolaborasi akademik dan pertukaran pengetahuan, di samping memperkenalkan keupayaan serta penawaran program pengajian siswazah di UniMAP.

Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja memperkuuh kedudukan CGS di peringkat antarabangsa, malah menyumbang kepada agenda pengantarabangsaan UniMAP secara menyeluruh.

21 FEBRUARI 2024



Tujuan Lawatan Promosi Program Pascasiswazah di Universitas Muhammadiyah Lamongan (UMLA) adalah untuk memperkenalkan dan mempromosikan program-program pascasiswazah UniMAP kepada pelajar dan akademik di UMLA, menjalin kerjasama antara kedua-dua institusi, serta memperluaskan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar antarabangsa.

Lawatan Promosi Program Pascasiswazah di Universitas Muhammadiyah Lamongan (UMLA)
TEMPAT : Universitas Muhammadiyah Lamongan (UMLA)
PESERTA : Pengarah Pusat Pengajian Siswazah bersama Dr. Ir. Ts. Siti Nurul Aqmariah daripada FKTE. Turut sama dalam lawatan ini adalah Dr. Ir. Ahmad Zaki dari Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY).

22 FEBRUARI 2024



CGS turut sama dalam lawatan promosi ke Universitas Muhammadiyah Purworejo bagi mempromosikan program-program yang ditawarkan di UniMAP. Lawatan serta promosi adalah hasil kerjasama Antara UniMAP – UMY bagi Kemasukan pelajar Pascasiswazah peringkat ijazah Doktor Falsafah yang terdiri daripada tenaga pengajar dan alumni daripada Universitas Muhammadiyah di Indonesia.

Lawatan promosi ke Universitas Muhammadiyah Purworejo

TEMPAT : Universitas Muhammadiyah Purworejo, Indonesia.

PESERTA : Pengarah Pusat Pengajian Siswazah bersama Dr. Ir. Ts. Siti Nurul Aqmariah daripada FKTE.

23 FEBRUARI 2024



Program promosi ini adalah bagi memperkenalkan peluang pendidikan pascasiswazah di UniMAP kepada pelajar tahun akhir Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), sambil membuka ruang untuk sesi perkongsian penyelidikan antara pelajar ijazah Sarjana UMY dan UniMAP. Ini bertujuan untuk menjalin kerjasama akademik yang lebih erat, menggalakkan pertukaran pengetahuan, serta meningkatkan kualiti penyelidikan di kedua-dua institusi.

Promosi Program Pascasiswazah kepada Pelajar-Pelajar Tahun Akhir Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY) dan sesi perkongsian penyelidikan bersama-sama pelajar ijazah Sarjana UMY

TEMPAT : Dalam Talian dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Indonesia.

PESERTA : Pelajar tahun akhir dan pelajar ijazah Sarjana UMY.

24 FEBRUARI 2024



Pelancaran program Dual Degree dan Joint Degree, serta peningkatan kerjasama dalam program Prasiswazah dan Pascasiswazah. Selain itu penubuhan pejabat pengurusan adalah untuk memperkuatkan kerjasama antara UniMAP dan UMY dalam bidang pendidikan dan penyelidikan, serta memberi kemudahan kepada pelajar dan staf dari kedua-dua universiti untuk berkolaborasi dan berkongsi sumber.

Penubuhan Pejabat Pengurusan UniMAP @UMY Hasil Kerjasama IPT Dua Negara

TEMPAT : Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Indonesia.

PESERTA : Naib Canselor UniMAP, Sekretaris Majelis Pendidikan Tinggi Penelitian dan Pengembangan, Pimpinan Pusat Muhammadiyah, Rektor UMY, Timbalan Rektor (Kerjasama dan Internasional) UMY dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Turut hadir Pengarah Pusat Pengajian Siswazah, Pengarah CIE dan juga Prof. Dr. Mohd Yusoff Mashor serta Dr. Ir. Siti Nurul Aqmariah dari FKTE.

30 JUN 2024



Tujuan Lawatan Promosi Program Pascasiswazah di Makassar & Kendari adalah untuk memperkenalkan dan mempromosikan program-program pascasiswazah UniMAP kepada pelajar dan staf akademik di sana, menjalin kerjasama antara kedua-dua institusi, serta memperluaskan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar antarabangsa.

Program Jelajah UniMAP-UMY di Makassar & Kendari, Indonesia

TEMPAT : Indonesia

- PESERTA :
1. Profesor Madya Ts. Dr. Che Zulzikrami Azner bin Abidin (Dekan FKTA)
2. Dr. Siti Nurul Aqmariah Mohd Kanafiah
3. En. Irma Azqrai Nin Sey Muhamad

10 OGOS 2024



Lawatan promosi ke Universitas Muhammadiyah Surabaya dan Sidoarjo ini bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan program pascasiswazah UniMAP kepada pelajar serta tenaga pengajar di sana, membangun hubungan kerjasama strategik antara kedua institusi, dan memperluas peluang dan rangkaian untuk pertukaran pelajar serta tenaga pengajar di peringkat antarabangsa.

Lawatan Promosi Program Pascasiswazah di Universitas Muhammadiyah Surabaya (UM Surabaya) dan Universitas Muhammadiyah Sidoarjo (UMSIDA), Indonesia

TEMPAT : Tanah Jawa, Indonesia.

PESERTA : Dr. Ir. Ts. Siti Nurul Aqmariah daripada FKTE bersama wakil-wakil fakulti.

Turut sama dalam lawatan ini adalah Dr Ir Yessi Jusman dari Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY).

10 OGOS 2024



Lawatan promosi ke Universitas Muhammadiyah Purwokerto ini bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan program pascasiswazah UniMAP kepada pelajar serta tenaga pengajar di sana, membangun hubungan kerjasama strategik antara kedua institusi, dan memperluas akses pendidikan tinggi bagi pelajar antarabangsa.

Lawatan Promosi Program Pascasiswazah di Universitas Muhammadiyah Purwokerto (UMP), Indonesia

TEMPAT : Tanah Jawa, Indonesia.

PESERTA : Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Siswazah bersama Prof. Dr. Mohd. Yusoff Mashor dan wakil-wakil fakulti . Turut sama dalam lawatan ini adalah Dr Ir Ahmad Zaki dari Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY).

11 OGOS 2024



Tujuan Lawatan Promosi Program Pascasiswazah di Universitas Muhammadiyah Kudus adalah untuk memperkenalkan dan mempromosikan program-program pascasiswazah UniMAP kepada pelajar dan staf akademik di sana, menjalin kerjasama antara kedua-dua institusi, serta memperluaskan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar antarabangsa.

Lawatan Promosi Program Pascasiswazah di Universitas Muhammadiyah Kudus (UMKU), Indonesia

TEMPAT : Tanah Jawa, Indonesia.

PESERTA : Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Siswazah bersama Prof. Dr. Mohd. Yusoff Mashor dan wakil-wakil fakulti . Turut sama dalam lawatan ini adalah Dr Ir Ahmad Zaki dari Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY).

11 OGOS 2024



Tujuan Lawatan Promosi Program Pascasiswazah di Universitas Muhammadiyah Surakarta adalah untuk memperkenalkan dan mempromosikan program-program pascasiswazah UniMAP kepada pelajar dan staf akademik di sana, menjalin kerjasama antara kedua-dua institusi, serta memperluaskan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar antarabangsa.

Lawatan promosi program Pascasiswazah di Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS), Indonesia

TEMPAT : Tanah Jawa, Indonesia

PESERTA : Dr. Ir. Ts. Siti Nurul Aqmariah daripada FKTE bersama wakil-wakil fakulti. Turut sama dalam lawatan ini adalah Dr Ir Yessi Jusman dari Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY).

12 OGOS 2024



Kerjasama Konsortium Program Pascasiswazah UniMAP-UNPRI dan juga promosi program Pascasiswazah.

Kerjasama Konsortium Program Pascasiswazah UniMAP-UNPRI (Universitas Prima di Medan, Indonesia)

TEMPAT : Medan Indonesia.

PESERTA : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bersama Pengarah CGS, pensyarah fakulti FKTEN dan FKTE.

Program ini dihadiri oleh pensyarah-pensyarah di sekitar Medan. Turut sama hadir ke program ini adalah alumni dan juga pelajar-pelajar ijazah Doktor Falsafah UniMAP.

27 OGOS 2024




Tujuan lawatan ini adalah untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara UniMAP dan Suruhanjaya Tinggi Nigeria di Kuala Lumpur, serta membincangkan potensi kerjasama akademik, khususnya dalam meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa Nigeria.

Lawatan kerja ke Suruhanjaya Tinggi Republik Persekutuan Nigeria

TEMPAT : Kedutaan Nigeria di Kuala Lumpur.

PESERTA : Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Pengarah CIE dan Penolong Pendaftar Kanan CGS.

11 OKTOBER 2024



Lawatan ini adalah bagi memperkuuh kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan industri di seluruh China, khususnya dalam bidang program pertukaran akademik dan penyelidikan, pertukaran budaya, dan penempatan industri pelajar.

Kunjungan hormat UniMAP ke Pejabat Konsulat China di Pulau Pinang

TEMPAT : Pejabat Konsulat China di Pulau Pinang.

PESERTA : Delegasi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang diketuai oleh Naib Canselor, YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli, Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa (TNCAA), Pengarah Pusat Pengurusan Akademik (AMC), Dekan Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK), Pengarah Pusat Libatsama Antarabangsa (CIE), serta Pengarah Pusat Pengajian Siswazah (CGS).

10 DISEMBER 2024



Perbincangan yang diadakan di antara kedua-dua pihak bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama strategik, khususnya dalam memperkuuhkan kapasiti akademik melalui program pengajian lanjutan, termasuk program Doktor Falsafah (PhD)

Lawatan Kerja dari delegasi Politeknik Caltex Riau, (PCR) Indonesia

TEMPAT : Pejabat CGS

PESERTA : Dr. Dadang Syarif Sihabudin Sahid, Pengarah PCR dan Puan Ruli Kusmawati, Ketua Jabatan Sumber Manusia PCR.

18 DISEMBER 2024



Lawatan ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan akademik antara kedua-dua institusi serta meneroka peluang kerjasama dalam bidang pendidikan pascasiswazah, penyelidikan, dan pertukaran ilmu dalam bidang perniagaan dan komunikasi

Lawatan Kerja Delegasi Universitas 17 Agustus 1945 Indonesia ke Pusat Pengajian Siswazah & Fakulti Perniagaan & Komunikasi UniMAP

TEMPAT : Pejabat CGS

30 DISEMBER 2024



Delegasi UMY dan pihak CGS UniMAP telah mengadakan sesi perbincangan dari pelbagai aspek kemasukan pelajar ke program MSc & PhD dari UMY, serta membincangkan lebih lanjut mengenai Dual Degree Program MSc & PhD UniMAP-UMY.

Mesyuarat bersama Delegasi Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY)

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama CGS.

PESERTA : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP,
Pengarah CGS UniMAP bersama Prof. Dr. Mohd Yusoff Mashor.

BAB 8 : HALEHWAL PELAJAR

8.1 Aktiviti & Program Berkaitan Pelajar Pascasiswa

1 FEBRUARI 2024



Objektif Kursus Penyeliaan SiswaZah Anjuran Unit Pascasiswa FPK, UniMAP adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan penyelia dalam memberikan bimbingan yang efektif kepada pelajar siswazah, memperkasa pemahaman tentang proses penyeliaan, serta memastikan kualiti penyelidikan dan pencapaian akademik yang tinggi dalam kalangan pelajar siswazah.

Kursus Penyeliaan SiswaZah Anjuran Unit Pascasiswa FPK, UniMAP

TEMPAT : Dalam Talian.

PESERTA : Staf Akademik FPK.

8 MAC 2024



Mesyuarat Exco Graduate Students' Association (GSA) Sesi 2023/2024 telah diadakan bersama dengan wakil Exco MPP Sesi 2023/2024 dan Pengurusan CGS adalah CGS untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan pelajar siswazah, memperkuuhkan kerjasama antara GSA, MPP, dan Pengurusan CGS, serta merancang aktiviti atau program yang memberi manfaat kepada pelajar siswazah dalam sesi 2023/2024.

Mesyuarat Exco Graduate Students' Association (GSA) Sesi 2023/2024 bersama dengan Wakil Exco MPP Sesi 2023/2024 dan Pengurusan CGS

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama CGS

PESERTA : Exco GSA, Exco MPP dan Pengurusan CGS.

15 FEBRUARI 2024



Pada 15 Februari 2024, Mesyuarat Agung Tahunan Graduate Students' Association (GSA) 2024 telah berlangsung dengan jayanya di Bilik Mesyuarat Utama, Pusat Pengajian Siswazah (CGS), UniMAP. Mesyuarat ini diadakan bagi melantik barisan kepimpinan baharu yang akan menerajui GSA sepanjang tahun ini, sekaligus memperkuuh peranan persatuan dalam mewakili suara pelajar pascasiswazah di UniMAP.

Sebagai sebuah persatuan di bawah seliana CGS, GSA memainkan peranan penting sebagai penghubung antara pelajar siswazah dan pengurusan tertinggi universiti. Dengan kepimpinan baharu ini, diharapkan GSA dapat terus memperkasakan kebajikan pelajar, menganjurkan program yang bermanfaat, serta memperkuuhkan hubungan akademik dan sosial dalam kalangan pelajar pascasiswazah.

Barisan Kepimpinan GSA 2024

Presiden : Ong Hong Liang, Timbalan Presiden : Mohamed Fuad Shahariman,

Setiausaha : Puteri Zalikha Simya Ismai, Timbalan Setiausaha : Siti Syazwani Sazali,

Bendahari : Emily Chow May Yan, Timbalan Bendahari : Peh Yee Ming

Biro Akademik & Inovasi :

Rasyida Md Saad, Ainul Kamilah Mohd Yusoff

Biro Kebajikan :

Athirah Amir, Noor Aqilah Madzlan

Biro Sukan & Kebudayaan :

Tanzina Sultana, Md Zillun Rahman

Biro Media & Protokol :

Farah Farhanah Natasha Abdul Rahim, Nur Anis Zulaikha Sharif Azam

Dengan kepimpinan yang baharu dan semangat yang segar, GSA 2024 komited untuk memperjuangkan kepentingan pelajar pascasiswazah serta merancang pelbagai inisiatif akademik, kebajikan, dan sosial yang lebih dinamik.

Semoga barisan exco yang baru dilantik ini dapat membawa GSA ke tahap yang lebih tinggi dan terus menjadi platform yang efektif dalam memperkuuh komuniti

Mesyuarat Agung Tahunan Graduate Students' Association 2024 (AGM GSA 2024)

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama CGS

PESERTA : Pelajar pascasiswazah UniMAP.

3 MEI 2024



Pada 3 Mei 2024, Graduate Students' Association (GSA) dengan kerjasama Pusat Pengajian Siswazah (CGS) UniMAP telah menganjurkan Jamuan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di perkarangan bangunan pejabat CGS, UniMAP. Majlis yang penuh kemeriahinan ini diadakan bagi meraikan sambutan Aidilfitri bersama komuniti pelajar pascasiswazah serta mempereratkan hubungan antara pelajar, staf, dan pihak universiti dalam suasana harmoni.

Turut memeriahkan majlis ini ialah kehadiran tetamu kehormat, Naib Canselor UniMAP serta Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNCAA) UniMAP, yang bersama-sama meraikan perayaan ini bersama pelajar dan staf.

Majlis ini bukan sekadar satu jamuan, tetapi juga menjadi platform sosial yang menggalakkan interaksi dan pertukaran budaya antara pelajar tempatan dan antarabangsa. Pelbagai juadah tradisional seperti rendang, lemang, ketupat, sate, dan kuih-muih raya disajikan, mencerminkan kepelbagaian budaya dan keunikan sambutan Aidilfitri.

Sepanjang acara, tetamu dihiburkan dengan alunan lagu raya serta sesi ramah mesra yang membangkitkan semangat perpaduan dalam kalangan hadirin. Majlis ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara langsung dengan pihak pengurusan universiti dalam suasana santai dan mesra.

Jamuan Hari Raya Aidilfitri ini bukan sahaja memperkuuhubungan antara pelajar siswazah dengan pihak universiti, tetapi juga memperlihatkan komitmen GSA dan CGS dalam membina komuniti pelajar yang inklusif dan mesra.

Dengan sambutan yang menggalakkan dan suasana yang meriah, diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memupuk keharmonian serta memperkasa hubungan erat dalam kalangan warga UniMAP.

Jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Graduate Students' Association (GSA) dan CGS UniMAP

TEMPAT : Dataran CGS.

PESERTA : Semua pelajar pascasiswazah.

16 APRIL 2024




Program Postgraduate Talk ini telah djalankan di beberapa fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) dan Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FKTA) dan Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) pada bulan April dan Jun 2024 adalah bagi memperkenalkan program-program pascasiswazah kepada para pelajar tahun akhir di setiap fakulti terlibat.

Postgraduate Talk 2024.

TEMPAT : DK9, Kampus UniMAP.

PESERTA : Pelajar tahun akhir.

7 MEI 2024



Objektif Orientation Session & Thesis Writing Workshop adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar siswazah mengenai proses dan prosedur pengajian, serta untuk membimbing mereka dalam penulisan tesis yang berkualiti, dengan memberi kemahiran, tips, dan panduan dalam merancang, menulis, dan menyelesaikan tesis dengan lebih berkesan.

Orientation Session & Thesis Writing Workshop

TEMPAT : Secara dalam talian

PESERTA : Pelajar pascasiswazah.

23 MEI 2024



3MT Competition dianjurkan CGS pada setiap tahun bertujuan untuk memperkembangkan kemampuan pelajar pascasiswazah dalam menyampaikan penyelidikan mereka secara ringkas, padat, dan menarik seterusnya sebagai persediaan untuk mewakili UniMAP ke peringkat kebangsaan. Pertandingan ini adalah terbuka peserta daripada pelajar pascasiswazah program ijazah Doktor Falsafah (PhD) UniMAP yang mewakili setiap kategori bagi bidang Sains Sosial dan Sains, Kejuruteraan & Teknologi. Secara keseluruhan seramai 17 penyertaan pelajar pada tahun ini yang mewakili fakulti dan institut masing-masing. Senarai nama pemenang bagi pertandingan 3MT pada tahun ini adalah mengikut 2 kategori seperti berikut:

- Sains Sosial

Johan : Faharol Bin Zubir (Fpk)

Naib Johan : Azlini Binti Che Hassan @ Hassan

- Sains, Kejuruteraan & Teknologi

Johan : Gidado Muhammad Junaid

Naib Johan : Monisha Devi a/p Elan Solan Marimuthu

Tempat Ke-3 : Ong Shee Ween

Three Minute Thesis Competition (3MT) Peringkat UniMAP.

TEMPAT : Auditorium Canselori UniMAP.

PESERTA : Pelajar pascasiswazah UniMAP.

13 JUN 2024



Pada 13 Jun 2024, empat pelajar pascasiswazah dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mewakili universiti dalam 3MT (Three Minute Thesis) National Competition 2024 yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Pertandingan 3MT ini bertujuan memberikan peluang kepada pelajar pascasiswazah untuk mempamerkan hasil penyelidikan mereka secara padat dan menarik dalam tempoh hanya tiga minit. Ia juga mengasah kemahiran komunikasi awam serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penyelidikan akademik. Selain itu, pertandingan ini menggalakkan persaingan sihat antara universiti di Malaysia serta mengiktiraf kecemerlangan dalam penyelidikan.

Dalam pertandingan peringkat kebangsaan ini, UniMAP telah diwakili oleh empat pelajar berbakat dalam dua kategori utama:

Science, Engineering & Technology Category

Gidado Muhammad Junaid (FKTK), Monisha Devi A/P Elan Solan MARIMUTHU (FKTK)

Social Science Category

Faharol Bin Zubir (FPK), Azlini Binti Che Hassan @ Hassan (FPK)

Penyertaan UniMAP dalam 3MT National Competition 2024 membuktikan komitmen universiti dalam melahirkan penyelidik muda yang berkebolehan dalam menyampaikan penyelidikan secara ringkas, jelas, dan menarik kepada khalayak umum. Diharapkan lebih ramai pelajar akan menyertai pertandingan ini pada masa akan datang, sekaligus memperkuuh kehadiran UniMAP di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

3MT National Competition

TEMPAT : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

PESERTA : 4 orang wakil pelajar pascasiswazah yang mewakili UniMAP:

Science, Engineering & Technology Category

Gidado Muhammad Junaid (FKTK), Monisha Devi A/P Elan Solan MARIMUTHU (FKTK)

Social Science Category

Faharol Bin Zubir (FPK), Azlini Binti Che Hassan @ Hassan (FPK)

8 OGOS 2024



Pada 8 Ogos 2024, Pertandingan Bowling Piala Naib Canselor telah diadakan di Perlis Bowl, The Store Kangar dengan penyertaan meriah daripada semua fakulti dan Institut UniMAP. Acara tahunan ini bertujuan memupuk semangat kesukanan, menggalakkan gaya hidup sihat, serta mengeratkan hubungan antara staf akademik dan pentadbiran.

Sebanyak tiga fakulti berjaya meraih tempat teratas dalam kategori berpasukan, dengan Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) muncul sebagai juara setelah mencatat 1271 jatuhuan pin. Tempat kedua dirangkul oleh Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) dengan 1269 jatuhuan pin, manakala Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FKTA) memperoleh tempat ketiga dengan 1094 jatuhuan pin.

Bagi kategori individu, Maliki bin Ibrahim dari FKTm dinobatkan sebagai Pemain Lelaki Terbaik dengan 369 jatuhuan pin, manakala Dr. Nursalasawati binti Rusli dari IMK merangkul gelaran Pemain Wanita Terbaik dengan 370 jatuhuan pin.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Rozyanty Rahman, Pengarah Pusat Pengajian Siswazah (CGS), UniMAP.

Secara keseluruhannya, pertandingan ini telah berlangsung dengan jayanya, memperlihatkan semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan peserta. Dengan kejayaan ini, diharapkan acara ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang bagi memperkuuhubungan serta semangat kekitaan dalam kalangan warga UniMAP.

Pertandingan Bowling Piala Naib Canselor anjuran Graduate Students' Association (GSA) dan CGS

TEMPAT : Perlis Bowl The Store Kangar.

PESERTA : Staf CGS dan pelajar-pelajar GSA

12 SEPTEMBER 2024



Perjumpaan Naib Canselor UniMAP bersama pelajar PhD yang telah mendaftar ke Program Dwi Ijazah Lepasan Ijazah antara UniMAP dan Universiti Yamanashi, Jepun adalah untuk memberi penerangan dan bimbingan mengenai perjalanan program dwi ijazah, serta memberi sokongan kepada pelajar dalam memastikan kejayaan mereka dalam program tersebut, terutamanya dari segi akademik dan penyelidikan.

Perjumpaan Naib Canselor UniMAP bersama pelajar PhD yang telah mendaftar ke Program Dwi Ijazah Lepasan Ijazah antara UniMAP dan Universiti Yamanashi, Jepun

TEMPAT : Pejabat Naib Canselor

PESERTA : Naib Canselor, Pengarah CGS dan 3 orang pelajar PhD,Siti Mahfuzah Fauzi, Julaiha Jumat dan Thenmoli.

14-16 OKTOBER 2024



Objektif Orientation Session & Thesis Writing Workshop adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar siswazah mengenai proses dan prosedur pengajian, serta untuk membimbing mereka dalam penulisan tesis yang berkualiti, dengan memberi kemahiran, tips, dan panduan dalam merancang, menulis, dan menyelesaikan tesis dengan lebih berkesan.

Orientation Session & Thesis Writing Workshop October 2024

TEMPAT : Makmal Komputer IMK

PESERTA : Pelajar pascasiswazah.

26 & 27 OKTOBER 2024



Tujuan penyertaan CGS ke dalam expo ini adalah untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada potensi pelajar pascasiswazah berkaitan program-program yang ditawarkan oleh Universiti dan GLC.

MyCareerFair & Postgraduate Education Expo 2024

TEMPAT : Kuala Lumpur Convention Centre.

PESERTA : Timbalan Pengarah CGS (Mod Penyelidikan) dan Penolong Pendaftar Kanan CGS.

7 NOVEMBER 2024



Majlis Hooding UniMAP telah diadakan dengan jayanya bersempena Istiadat Konvokesyen ke-19 UniMAP. Selain untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada graduan atas kejayaan mereka menamatkan pengajian, sekaligus dapat memperkuuhkan semangat dan motivasi mereka untuk meneruskan perjalanan profesional dengan lebih cemerlang.

PhD Hooding Ceremony 2024 Istiadat Konvokesyen Ke-19 Universiti Malaysia Perlis

TEMPAT : Auditorium Canselor

PESERTA : Pelajar pascasiswazah.

19 NOVEMBER 2024



Taklimat ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai pengurusan akademik, prosedur pengajian pascasiswazah, serta tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh setiap pelajar pascasiswazah. Selain itu, taklimat ini juga menyediakan platform untuk perbincangan mengenai penambahanbaikan sistem pengurusan dan pemantauan di peringkat pascasiswazah.

Taklimat Pengurusan Pelajar Pascasiswazah

TEMPAT : Bilik Mesyuarat KUKUM, Fakulti Kejuruteraan & Teknikal Elektrik (FKTE).

PESERTA : Pengurusan fakulti dan CGS.

BAB 9 : HAL EHWAH PENTADBIRAN

9.1 Aktiviti & Program Berkaitan Pengurusan Pentadbiran

**6 MAC | 15 MEI | 27 OGOS |
15 OKTOBER 2024**



Mesyuarat Majlis Dekan Pengajian SiswaZah (MDPS) yang diadakan 4 kali setahun adalah untuk menyelaraskan dasar, prosedur, dan program pengajian siswazah serta meningkatkan kualiti akademik dan penyelidikan di peringkat siswazah di universiti.

Mesyuarat Majlis Dekan Pengajian SiswaZah (MDPS)

TEMPAT : UM, USM, UMS, UniKL

PESERTA : Pengarah CGS & Timbalan Pengarah CGS

4 JANUARI 2024



Majlis Amanat dan Sasaran 2024 oleh Pengarah CGS serta Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Staf CGS diadakan adalah untuk membentangkan hala tuju strategik dan fokus bagi tahun 2024, meningkatkan motivasi dan semangat kerja di kalangan staf, serta menghargai pencapaian dan sumbangan cemerlang staf CGS melalui pengiktirafan dan anugerah.

**Majlis Amanat dan Sasaran 2024 oleh Pengarah CGS dan
Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Staf CGS**

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama CGS.

PESERTA : Staf CGS.

27 MAC 2024



Majlis Iftar UniMAP 2024 adalah anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) UniMAP dan CGS telah turut serta dalam gotong royong memasak bagi Program Iftar Jamaie peringkat universiti utk pelajar-pelajar UniMAP. Semoga program ini mengeratkan hubungan silaturahim antara warga UniMAP, termasuk staf dan pelajar sambil memperkuatkkan semangat kebersamaan dalam bulan Ramadan, serta memberikan kesempatan untuk berkongsi rezeki dan menjalani ibadah berbuka puasa secara bersama.

Program Iftar Jamaie UniMAP 2024

TEMPAT : Surau UniMAP

PESERTA : Staf CGS.

2 APRIL 2024



Sebagai tanda penghargaan dan sokongan, Pusat Pengajian Siswazah telah menyampaikan sumbangan hadiah kelahiran kepada staf, En. Mohd Fazlie, Pembantu Tadbir Unit Kemasukan, Rekod & Surat Tawaran Pelajar bagi meraikan kelahiran cahaya mata baru beliau. Semoga En. Fazlie dan keluarga sentiasa dikurniakan kebahagiaan dan kesejahteraan.

Sumbangan Hadiah Kelahiran

TEMPAT : Pejabat CGS.

PESERTA : En. Mohd Fazlie Yusoff.

4 APRIL 2024



Staf Pusat Pengajian Siswazah berkesempatan meluangkan masa untuk berbuka puasa bersama-sama dalam suasana yang penuh kekeluargaan. Aktiviti ini bukan sahaja mempereratkan hubungan sesama staf, tetapi juga memberi peluang untuk saling berinteraksi dan meningkatkan semangat kerjasama. Semoga ukhuwah yang terjalin akan terus kukuh dan memberi impak positif dalam usaha mencapai kecemerlangan bersama.

Majlis Iftar CGS

TEMPAT : Restoran Koffee Kitchen

PESERTA : Staf CGS

22 APRIL 2024



CGS bersama Pejabat TNC (A&A), AMC, dan CIE telah bekerjasama dalam menyediakan satu hidangan raya dan menghias gerai untuk Majlis Riang Ria Raya UniMAP 2024. Majlis ini dapat mengeratkan silaturahim dan memperkuuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga UniMAP, termasuk staf dan pelajar, sambil meraikan Hari Raya Aidilfitri. Kehadiran DYTM Tuanku Canselor dan Pro Canselor UniMAP turut menambah kemeriahkan majlis.

Sambutan Majlis Riang Ria Raya Aidilfitri @ UniMAP 2024 peringkat UniMAP

TEMPAT : Dewan Ilmu UniMAP.

PESERTA : Semua staf dan pelajar UniMAP.

27 JUN 2024



Membentangkan laporan pencapaian CGS sepanjang tahun 2023 serta sasaran yang diletakkan untuk tahun 2024 kepada YBhg. Dato' Naib Canselor.

Kunjungan Hormat Pengurusan Pusat Pengajian Siswazah (CGS) kepada Naib Canselor UniMAP

TEMPAT : Pejabat Naib Canselor

PESERTA : Pengarah CGS, Timbalan-Timbalan Pengarah CGS dan Penolong Pendaftar Kanan CGS.

21 OGOS 2024



Jabatan Keselamatan (JKes) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) menjalankan program Konvoi Jalur Gemilang peringkat UniMAP bagi menyemarakkan lagi bulan kemerdekaan. Konvoi berjumlah 60 buah kenderaan ini adalah terdiri daripada staf dan pelajar UniMAP.

Penerima Jalur Gemilang Bagi Program Konvoi Jalur Gemilang Peringkat Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

TEMPAT : Perkarangan Blok Pentadbiran, Pusat Pengajian Siswazah

PESERTA : Pengarah Jabatan Keselamatan (JKes) dan Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) UniMAP kepada wakil CGS

26 NOVEMBER 2024



Sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan komitmen yang telah diberikan, Pusat Pengajian Siswazah (CGS) telah mengadakan majlis penghargaan kepada pelajar latihan industri, Muhammad Firdaus bin Muzaffar, yang telah menjalani latihan industri di CGS dan dijadualkan menamatkan penempatan beliau pada 29 November 2024.

Sepanjang tempoh latihan, pelajar telah menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi serta memberikan sumbangan yang signifikan dalam tugasannya yang diamanahkan. Pihak CGS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala usaha dan dedikasi yang telah dicurahkan. CGS turut mendoakan kejayaan berterusan buat beliau dalam meneruskan pengajian dan kerjaya pada masa hadapan.

Majlis penghargaan kepada pelajar latihan industri di Pusat Pengajian Siswazah UniMAP

TEMPAT : Pejabat CGS

PESERTA : Staf CGS.

27 - 29 NOVEMBER 2024



Pengarah CGS, Prof. Madya Ts. Dr. Rozyanty Rahman bersama Penolong Pendaftar Kanan, Pn. Diana Hamzah telah terpilih untuk menghadiri Festival Idea Putrajaya (FOI 2024) yang julung kali diadakan pada tahun 2024 dan dijadikan acara tahunan yang merupakan satu inisiatif penting dalam usaha merakyatkan idea dan pendidikan tinggi secara besar-besaran serta mempromosikan Malaysia sebagai pusat wacana intelektual dan inovasi di peringkat serantau dan global melalui pendekatan sekerajaan (whole-of-government).

Festival Idea Putrajaya (FOI 2024)

TEMPAT : Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

PESERTA : Pengarah CGS & Pn. Diana

4 DISEMBER 2024



Tujuan Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 adalah untuk menilai sejauh mana sistem pengurusan kualiti organisasi mematuhi standard yang ditetapkan oleh ISO 9001:2015, memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem tersebut, serta mengenal pasti peluang untuk penambahbaikan dalam proses dan prosedur bagi meningkatkan kualiti dan kepuasan pelanggan.

Audit Dalaman MS ISO 9001:2015

TEMPAT : Pejabat CGS.

PESERTA : Auditor dan staf CGS.

17 DISEMBER 2024



Jabatan Pendaftar dengan kerjasama CGS telah menganjurkan Bengkel Penyediaan MyPortfolio dan MyPerformance yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada staf mengenai pentingnya penggunaan MyPortfolio dan MyPerformance dalam meningkatkan kualiti kerja serta pencapaian staf dan organisasi.


Bengkel Penyediaan MyPortfolio dan MyPerformance untuk Staf Pentadbiran Pusat Pengajaran Siswazah

TEMPAT : Pejabat CGS.

PESERTA : Staf CGS.


BAB 10 : LAPORAN KEWANGAN

10.1 LAPORAN PRESTASI KEWANGAN 2024



Rajah : Perincian Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Pusat Pengajian Siswazah

| VOT | PERUNTUKAN OPERASI | RM |
|--------------------|--|---------------------|
| Vot 21 | Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | RM 15,794.30 |
| Vot 23 | Perhubungan & Utiliti | RM 1,800.00 |
| Vot 24 | Sewaan | RM 3,504.00 |
| Vot 25 | Bahan Makanan dan Minuman | RM 1,614.00 |
| Vot 27 | Bekalan dan Bahan-Bahan Lain | RM 4,108.50 |
| Vot 28 | Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | RM 2,165.54 |
| Vot 29 | Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | RM 5,489.98 |
| Vot 35 | Harta Modal | - |
| JUMLAH KESELURUHAN | | RM 34,476.32 |



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

www.unimap.edu.my

#UniMAPmantap #UniMAP4Society #Engineering4Society
Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan



#kekalrelevanberimpak
www.unimap.edu.my

